

244

SOALAN NO: 282

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN:

Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [Setiawangsa] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapakah jumlah bayi yang telah diletakkan di dalam "baby hatch" sejak ianya diwujudkan dan di manakah bayi-bayi tersebut diletakkan pada hari ini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menjalankan kerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak-Anak Yatim Kuala Lumpur (OrphanCARE) yang menyediakan perkhidmatan perlindungan kepada bayi yang dilahirkan oleh ibu-ibu yang terdesak yang tidak menginginkan bayi mereka yang dikenali sebagai pelindung bayi atau *Baby Hatch*. *Baby Hatch* yang pertama telah diwujudkan pada tahun 2009. Setakat ini terdapat sebanyak lapan (8) buah hospital dan sebuah (1) NGO telah menubuhkan *Baby Hatch*.

Program *Baby Hatch* dilihat memberi impak yang positif dalam membantu menangani kes pembuangan bayi di negara ini. Berdasarkan statistik dari tahun 2010 sehingga September 2016, terdapat **46** bayi telah berjaya diselamatkan dan ditempatkan di *Baby Hatch*. Sejumlah **37** bayi daripada jumlah **46** bayi ini telah berjaya diserahkan kepada orang yang layak dan sesuai melalui perintah mahkamah. Manakala bagi 8 bayi lagi telah

246

diserahkan balik kepada ibubapa mereka kerana ibubapa kandung telah tampil untuk menuntut semula bayi. Penyerahan balik bayi ini dibuat melalui laporan polis, pemeriksaan ujian DNA bagi tujuan pengesahan serta permohonan dibuat oleh ibubapa kandung di mahkamah. Bagi seorang bayi lagi ianya terpaksa ditempatkan di Rumah Kanak-Kanak atas faktor penyakit.